

Memori KORPORAT

UiTM DALAM SEJARAH

UNDERGRADUATES UNION

KESATUAN SISWA INSTITIUT TEKNOLOGI MARA (KSITM) secara rasmi didaftarkan sebagai Majlis Pelajar Institut Latihan RIDA pada bulan Mei 1956 di bawah Ordinan Pertubuhan 1949.

Pada tahun 1967 ia telah didaftarkan sebagai KPITM (KESATUAN PELAJAR INSTITUT TEKNOLOGI MARA) dan dalam awal tahun 1973 KPITM ditukar kepada KSITM.

Kesatuan ini ditubuhkan dengan objektif berikut:
(a) menjadi badan rasmi dan wakil tunggal mahasiswa MARA Institute of Technology (MIT) dalam hal dasar, pendapat, aspirasi dan keinginan;


(b) untuk menyemai dan menggalakkan semangat kepimpinan, penyertaan dan inisiatif dalam kalangan pelajar MIT;

(c) untuk membangunkan dan menjaga hak-hak mahasiswa;

(d) untuk mengatur dan melindungi kualiti akademik Institut melalui program dan aktiviti pendidikan Kesatuan;

(e) untuk menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan sukan, kebudayaan, pendidikan, agama, sastera dan sains.

Keahlian KSITM mempunyai tiga jenis keahlian: biasa, bersekutu dan kehormat.



Gambar Bulletin 74-75

Rujukan:

(1974-1975). *Bulletin 74-75*. Institut Teknologi MARA.